

ATUK



Cetakan 2017

Hak cipta terpelihara ©2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1615-5

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura
Lelaman Internet: www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg



Dicetak pada tahun 2017 oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
Tel: 6748 3898
www.oxfordgraphic.com.sg

Penulis

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunus
Nazarudin Abdul Bakar, Sekolah Menengah Bedok View
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Catatan

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Sekapur Sirih

Rahsia merupakan antara koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau, Indonesia pada tahun 2016. Cerpen ini dihasilkan bagi menggalakkan pelajar agar minat membaca khususnya dalam kalangan pelajar Menengah 1 dan 2.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, pelajar mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa pelajar yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata pelajar memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Rahsia** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Selamat membaca!

Mohamed Noh Daipi

Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dalam cerpen ini termasuklah tema kesabaran, pengorbanan, keinsafan, saling membantu, perjuangan, kasih sayang dan pencemaran alam.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan pelajar. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan pelajar kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi pelajar.

Sekian.

Rahmat Subadah
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Rahsia**

ATUK

Rahmat Subadah

Ok, cuti tahun hadapan kita akan ke kampung Atuk," kata Ayah sambil tersenyum.

Dua tahun lalu, aku bercuti di kampung Atuk selama sebulan. Aku ditinggalkan Ayah di sana. Ibu pula menemani Ayahku ke Amerika Syarikat kerana urusan pekerjaan.

Aku sangat merindui Atuk. Setiap cuti sekolah aku meminta Ayah untuk bercuti di kampung Atuk. Aku suka tinggal di kampung. Aman. Aku bebas ke sungai, ke kebun atau ke hutan.

Di kampung, Atuk mengajar aku menangkap ikan, memasang **lukah** dan memancing.

“Apa sahaja yang kita buat, kita harus punya ilmu. Sekilas ikan di laut, sudah tahu jantan dan betina.” Kata Atuk, orang yang bijak dapat **menjangkakan** apa yang bakal berlaku kerana dia mempunyai pengetahuan.

Kata Atuk lagi, dia berharap Ayahku akan menetap di kampung suatu hari nanti, “bagai ikan pulang ke lubuk”. Ayahku jatuh cinta kepada Ibuku, anak kelahiran Temasek. Ayahku berkahwin setelah tamat pengajian di Universiti Nasional Singapura. Sejak bermastautin di Singapura, Ayahku jarang pulang ke kampungnya.

Aku seronok mengikut Atuk ke kebun. “Yang itu pokok manggis, yang itu pokok durian, yang itu pokok rambutan, yang itu pokok mangga. Di kawasan sebelah sana pokok pisang. Nampak tak? itu pucuk pisang, boleh dibuat ulam.” Atuk ghairah menjelaskan nama-nama pokok.

Aku seronok mendengar Atuk bercerita.

“Kalau dapat durian runtuh, jangan lupa datang lagi ke kampung jumpa Atuk ya. Jangan pula jadi rambutan jantan, berbunga tetapi tidak berbuah. Jadilah pokok kelapa, semua bahagian pokok kelapa berguna kepada manusia.”

“Ingat, pisang tidak berbuah dua kali.” Atuk mengingatkan aku sekali terkena, orang tidak akan percaya pada kita lagi.

“Itu pucuk rebung. Kalau ingin melentur buluh, biar dari rebungnya. Sebab itu Atuk sentiasa menyelitkan nasihat dan peribahasa supaya cucu belajar tentang nilai budaya Melayu dari kecil lagi,” kata Atuk bersungguh-sungguh.

Atuk juga membawa aku ke hutan untuk menjerat burung. “Dalam hidup kita harus berusaha bersungguh-sungguh dan jangan mengharapkan sesuatu yang belum

pasti dapat bagai burung terbang dipipiskan lada.” Atuk memberikan nasihatnya.



Kegiatan hujung minggu meneroka sungai, kebun dan hutan bersama Atuk memang menyeronokkan. Namun, pada hari Isnin hingga Jumaat Atuk sibuk melayan tetamu yang berkunjung ke rumahnya.

Rumah Atuk ada banyak kain batik beraneka corak dan warna. Kata Nenek, Atuk merupakan satu-satunya pakar batik tradisional yang masih hidup di Pekanbaru, Riau.

Kata Atuk, proses **mencanting** batik amat rumit. Oleh itu, Atuk memudahkan proses itu dengan memperkenalkan teknik batik tulis menggunakan berus cat.

Tetamu yang datang ke rumah Atuk tidak putus-putus. Mereka terdiri daripada pelbagai golongan termasuklah pelajar sekolah, mahasiswa, penduduk tempatan, pensyarah dan juga pelancong.

Aku kagum melihat ramai orang yang datang ingin belajar tentang batik daripada Atuk. Mereka menghormati Atuk. Kawasan rumah Atuk penuh dengan hasil batik ciptaannya. Di kawasan hadapan rumah Atuk ada perusahaan membuat batik. Atuk mempunyai empat pekerja yang membantunya melukis dan mencanting batik.

Semua pembantu Atuk ialah suri rumah dan jiran tetangga. Mereka dilatih oleh Atuk untuk membatik. Atuk memberikan peluang kepada mereka untuk mendapatkan rezeki tambahan membantu suami mencari **nafkah** bagi keluarga masing-masing.

Untuk memudahkan mereka bekerja, Atuk membenarkan pekerjaanya membawa anak-anak mereka semasa bekerja. Atuk menyediakan tempat permainan di belakang rumah supaya anak-anak mereka tidak merasa bosan menunggu ibu masing-masing bekerja.

“Kita harus mengekalkan tradisi membatik peninggalan nenek moyang kita sampai bila-bila.”

“Seni batik merupakan milik orang Melayu. Kita harus **mempertahkannya**,” tegas Atuk. Aku duduk bersila di sebelah kerusi Atuk semasa Atuk memberikan penerangan kepada sekumpulan siswa yang datang berkunjung ke rumahnya.



“Setiap daerah di tanah Melayu ini memiliki motif-motif batik yang tersendiri. Motif-motif batik yang awal berkisar pada flora dan fauna sesuai dengan kehidupan masyarakat Melayu kuno yang hidup dekat dengan alam. Setelah kemasukan Islam, motif-motif yang dihasilkan berbentuk flora kerana agama Islam melarang lukisan haiwan atau manusia.” Atuk meneruskan penerangannya.